

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP
[SEKIJANG]**

TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)

RUJUKAN : 9961

SOALAN :

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah tergugur taraf kerakyatan Malaysia akibat daripada memiliki kerakyatan negara lain serta sejauh manakah sistem sedia ada mampu mengenalpasti individu-individu yang telah memiliki kerakyatan dari negara lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), seramai 5,218 orang individu telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysia kerana melakukan kesalahan di bawah Perkara 24(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu memiliki kewarganegaraan negara asing.

Sistem pendaftaran sivil di JPN menyimpan maklumat individu yang berdaftar dan seterusnya dikeluarkan dengan dokumen oleh Jabatan ini. Sehubungan dengan itu, JPN tidak mempunyai rekod berhubung kewarganegaraan yang diberikan oleh Kerajaan negara asing kepada warganegara Malaysia.

Walau bagaimanapun, bagi menguatkuasakan perundangan dan dasar Kerajaan Malaysia yang tidak mengiktiraf dwi kewarganegaraan, tindakan pelucutan boleh dilaksanakan oleh JPN melalui laporan mana-mana pihak seperti agensi Kerajaan atau orang perseorangan. Laporan yang dikemukakan perlulah mengandungi butiran mengenai individu yang dilaporkan serta bukti-bukti yang relevan bagi membantu siasatan lanjut oleh JPN. Laporan yang tidak disertakan dengan bukti akan menyukarkan siasatan, menyebabkan fail kes tidak kukuh dan seterusnya tindakan pelucutan kewarganegaraan tidak dapat dijalankan.